



4 Mac 2024
4 March 2024
P.U. (A) 77

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN PELANTIKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERISYTIHARAN
PELANTIKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan bahawa hendaklah ada seorang Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja:

DAN BAHAWASANYA menurut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja telah mengisytiharkan DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH dipilih memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH pada hari ini telah memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan telah mengangkat Sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara itu.

DIPERBUAT di Istana SAYA, Istana Negara, di Ibu Negara SAYA di Kuala Lumpur pada tiga puluh satu hari bulan Januari dalam tahun dua ribu dua puluh empat.

[MRR(S)640-264/(35); PN(PU2)171/JLD.26]

Dengan Titah Perintah Seri Paduka Baginda

Penyimpan Mohon Besar Raja-Raja